


KENYATAAN TAWARAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

[FTA(CPTPP)] PERKHIDMATAN NAIK TARAF PENGKABELAN RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT (LOCAL AREA NETWORK – LAN)) DI 10 KOLEJ VOKASIONAL DI BAWAH BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-Petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh:

i.	210105	<i>Telecommunication/networking supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/wireless/satellite)</i>
----	---------------	--

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	TAJUK TENDER	[FTA(CPTPP)] PERKHIDMATAN NAIK TARAF PENGKABELAN RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT (LOCAL AREA NETWORK – LAN)) DI 10 KOLEJ VOKASIONAL DI BAWAH BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
2.	KOD TENDER	QT260000000018882
3.	TARIKH IKLAN TENDER	11 OGOS 2026 (SELASA)
4.	TARIKH TUTUP TENDER	21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)

3. Tender dilaksanakan melalui sistem ePerolehan secara atas talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan).**

4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender.
5. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem ePerolehan:
 - 5.1 Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam sistem ePerolehan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.
 - 5.2 Semua lampiran / borang dalam sistem ePerolehan hendaklah diisi dengan **LENGKAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.
 - 5.3 Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak.
6. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**
 - a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam sistem ePerolehan; atau
 - b. Petender **GAGAL** memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan.
7. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan tidak akan dipertimbangkan.**
8. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.
9. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
10. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan <http://www.moe.gov.my>, Portal ePerolehan dan laman sesawang MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.